

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kematian warga emas umur 60 ke atas pada bulan Mac, April, Mei, Jun, Julai, Ogos, September tahun 2020 dan perbandingan dengan tahun 2017, 2018, 2019.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tempoh bulan Mac hingga September 2020, sebanyak 62,176 kematian individu berumur 60 tahun dan ke atas telah didaftarkan dan direkodkan. Sebagai perbandingan bilangan kematian bagi tempoh yang sama untuk tiga tahun sebelumnya adalah seperti berikut :

1. Mac hingga September 2017 – 62,200 kematian.
2. Mac hingga September 2018 – 63,077 kematian.
3. Mac hingga September 2019 – 64,854 kematian.